

Tentera Yahudi bertindak lagi

KOSMO 6/06/2010 M152

KUALA LUMPUR - MV Rachel Corrie, kapal terakhir misi bantuan kemanusiaan ke kawasan Gaza yang dikepung Israel, bersama sekumpulan aktivis damai termasuk enam dari Malaysia, telah dirampas oleh Tentera Laut Israel pada kira-kira 2.45 petang (waktu Malaysia) semalam.

Berbeza dengan insiden rampasan kapal Mavi Marmara



KERATAN Kosmo! 3 Jun 2010.

Isnin lalu yang mengorbankan sembilan aktivis, proses menawan MV Rachel Corrie kira-kira 35 batu nautika dari Gaza itu berlaku tanpa keganasan dan tiada kecederaan.

Jurucakap tentera Israel berkata, proses mengambil-alih kapal itu yang membawa 19 penumpang lancar kerana tidak ditentang oleh krew kapal.

"Kapal itu telah diarah ke pelabuhan Ashdod (Israel) sebelum ditahan oleh pihak berkuasa," jelasnya.

Agensi berita Al-Jazeera melaporkan, seorang wartawan memberitahu beberapa buah kapal perang Israel mula mengekori MV Rachel Corrie sejak subuh.

Tentera Yahudi itu bertindak merampas kapal berkenaan atas alasan ia tidak mengendahkan empat arahan supaya menukar haluan ke pelabuhan Ashdod, 30 kilometer dari Genting Gaza.

Di pelabuhan itu, kargo kapal berkenaan dikatakan akan diperiksa sebelum dihantar ke Genting Gaza melalui jalan darat.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dalam kenyataannya di Kuala Lumpur semalam menggesa Israel agar menentukan keselamatan kesemua sukarelawan di kapal berkenaan.

"Malaysia juga menuntut Israel tidak mengambil sebarang tindakan tentera yang drastik dan ganas terhadap penumpang Rachel Corrie yang tidak bersenjata itu" katanya.



REUTERS

KAPAL tentera laut Israel dilihat mendekati MV Rachel Corrie sebelum menawan kapal berkenaan kira-kira 35 batu nautika dari Gaza.

Anifah berkata, kesemua aktivis di kapal Rachel Corrie perlu diberi bantuan bagi menjamin keselamatan mereka.

Misi bantuan Gaza ditaja oleh Perdana Global Peace Organisation (PGPO), sebuah organisasi bukan kerajaan Malaysia.

Kapal MV Rachel Corrie diberi nama sempena seorang wanita Amerika yang terbunuh oleh sebuah jetolak tentera Israel di Semenanjung Gaza pada 2003, ketika memprotes tindakan meroboh sebuah rumah.

Sempat SMS sebelum ditawan

Berikut adalah mesej khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada salah seorang daripada dua anggota Malaysian Perdana Global Peace Organisation (PGPO), Mathias Chang di atas kapal MV Rachel Corrie.

- **9.30 pagi (waktu Malaysia)** - Tiga bot tentera Israel kini mengekori kapal MV Rachel Corrie.
- **10.30 pagi** - Bot-bot tentera Israel memcuti ke arah kapal kami. Kami diminta bertenang.
- **10.35 pagi** - Mereka (tentera Israel) telah menyekat radar kami.

* Itu kali terakhir kapal MV Rachel Corrie dapat dihubungi.

Kronologi rampasan (waktu tempatan)

- **05.15 pagi** - Penumpang MV Rachel Corrie melihat dua buah kapal tentera laut Israel menghampiri mereka selepas mengekori selama dua jam. Pada waktu ini, sistem radar kapal disekat.
- **06.30 pagi** - Jurucakap jawatankuasa yang menunggu ketibaan kapal itu di Gaza melaporkan MV Rachel Corrie telah dipintas kira-kira 35 batu nautika dari situ tetapi tentera Israel menafikannya.
- **09.12 pagi** - Tentera Israel mendakwa MV Rachel Corrie tidak mengendahkan perintah menukar haluan ke pelabuhan Ashdod.
- **12.38 tengah hari** - Pasukan tentera laut Israel menaiki MV Rachel Corrie di perairan antarabangsa, kira-kira 21 batu nautika dari Ashdod dan terus mengambil-alih kapal berkenaan tanpa tindakan ganas.
- **5.17 petang** - MV Rachel Corrie dilihat menghampiri Ashdod dengan diiringi kapal perang Israel. Jurucakap Kementerian Luar Regim Zionis itu dipetik berkata, semua penumpang kapal akan dihantar pulang secepat mungkin.